



PARA peserta Kursus Tenaga Pengajar Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Zon Selatan 2014 bergambar selepas program di UTHM Batu Pahat, baru-baru ini.

# UTHM perkasakan warisan seni pertahankan diri

JOHOR BAHRU 6 Mei - Demi memartabatkan seni silat cekak di negara ini, Kelab Seni Silat Cekak Malaysia (KSSCM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Tenaga Pengajar Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Zon Selatan 2014, baru-baru ini.

Kursus yang mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri, KSSCM cawangan Johor, Melaka

dan Negeri Sembilan itu diadakan bertujuan memberi kesedaran kepada peserta kursus mengenai kepentingan seni pusaka warisan bangsa.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan berkata, warisan seni mempertahankan diri ini seharusnya dijaga agar ia tidak terus tenggelam dalam arus pemodenan.

"Seni silat dilihat mampu membentuk peribadi dan membina keyakinan diri untuk menghadapi cabaran masa kini apakah lagi dunia dihujani dengan pelbagai anasir sama ada baik atau buruk serta kecanggihan teknologi," katanya semasa merasmikan program tersebut baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, Prof. Ir. Dr. Amir

Hashim Mohd. Kassim dan Naib Presiden II KSSCM, Prof. Madya Dr. Ab. Majid Ismail.

Kursus yang berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim itu mendapat penyertaan seramai 200 ahli kelab dari negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Kursus turut dijayakan dengan kekuatan 60 orang ahli KSSCM UTHM yang terdiri daripada penuntut yang bertindak selaku

jawatankuasa pelaksana program yang dipimpin oleh penasihatnya, Muhammad Shahrin Haron.

Majlis tersebut diserikan dengan beberapa acara seperti selawat, paluan kompong, deklamasi puisi daripada Kumpulan Aktivis Pemuisi dan Dramatis UTHM serta persembahan Zikir Terapi daripada artis undangan, Hafiz Hamidun.

Zulkurnain turut menyata-

kan sokongan padunya terhadap bidang seni tersebut dan akan memberi sumbangan dana untuk melaksanakan sebarang aktiviti seumpama itu jika jumlah ahlinya semakin bertambah.

"Tahniah dan syabas kepada pengajur kerana berjaya melaksanakan program dan mengharumkan nama universiti, negeri dan negara demi memperkasakan seni warisan bangsa," katanya.